KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	12.07.22	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	JPSM			

Sukan lasak, rekreasi ancam sumber biodiversiti hutan

- Penyebaran penyakit boleh berlaku akibat pembuangan sisa tak terurus, ubah diet pemakanan haiwan tidak semula jadi
- Aktiviti sukan lasak tak terkawal dan kerakusan pengusaha ancam hidupan liar, punca haiwan berpindah ke lokasi lain
- Jumlah pengunjung di kawasan rekreasi berkepadatan tinggi perlu dihadkan, laksana penguatkuasaan undang-undang



Pensyarah Program Ekologi Biodiversiti di Institut Sains Biologi, Fakulti Sains, Universiti Malaya (UM)



Pensyarah Kanan di Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Jengka

Oleh Prof Madya Dr Hasmahzaiti Omar dan Dr M Adli Mohd Sidi
bhrencana@bh.com.my

Amalan gaya hidup sihat masyarakat di negara ini semakin meningkat jika berdasarkan laporan terkini Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Tidak hairanlah aktiviti sukan lasak mendapat sambutan hangat, termasuk cabaran sukan itu dan pengalaman rekreasi dalam persekitaran hutan.

Lebih 120 lokasi hutan di negara ini yang berada di bawah milik kerajaan sering menjadi tumpuan orang awam seperti taman negara, taman negeri dan taman eko rimba, malah tapak rekreasi milik persendirian turut menawarkan pelbagai aktiviti rekreasi berasaskan hutan.

Ini turut meningkatkan sektor rekreasi dan ekopelancongan, sekali gus menjana pendapatan masyarakat setempat dengan menyediakan peluang perkhidmatan perniagaan berasaskan sukan lasak, termasuk penginapan ringkas, sederhana dan moden.

Ia memberi peluang kepada penduduk luar bandar dengan menawarkan perniagaan perkhidmatan rekreasi seperti hotel dan chalet, rumah inap desa, jualan makanan dan minuman serta barangan kraftangan dan cenderahati.

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) merekodkan hampir RM168 bilion hasil pendapatan setahun melalui sektor ekopelancongan kerana bukan hanya mendapat permintaan tinggi daripada warga tempatan, malah pelancong antarabangsa yang tertarik dengan keindahan alam tropika serta kepelbagaian flora dan fauna di negara ini.

Tidak hairanlah, Malaysia menjadi negara ke-9 menerima pelancong asing dengan pendapatan kasar RM1 bilion setiap minggu sebelum pandemik.

Antara aktiviti sukan lasak di persekitaran hutan menjadi pilihan utama ialah memanjat gunung dan bukit, merentas hutan, berbasikal lasak, pemanduan kenderaan pacuan empat roda dan kenderaan lasak pelbagai bentuk permukaan bumi (ATV), menunggang kuda, menjelajah gua serta berkhemah.

Aktiviti rekreasi sukan lasak berasaskan air yang mendapat tempat pula berkenu, berkayak arus deras, menaiki bot menyusuri sungai dan laut, memandu jet ski, menyelam skuba serta memancing di laut dalam.

Impak negatif terhadap hutan

Bagaimanapun, keseronokan menjalani aktiviti lasak turut memberi impak negatif kepada persekitaran dan komuniti hutan. Antaranya, kesan akibat menebas pokok renek dan pokok mempunyai nilai tinggi untuk tujuan pembinaan tapak perkhemahan serta laluan merentas hutan, pembakaran unggun api yang boleh menyumbang kepada kebakaran hutan secara tidak sengaja dan kecederaan pokok hutan, pembuangan sampah serta sisa makanan.

Bagi aktiviti perkelahan, tindakan mengikat buaian atau *hammock* juga menyebabkan kecederaan pada pokok hingga boleh mengakibatkan perkembangannya terjejas.

Sukan bermotor turut menyebabkan kerosakan struktur asal tanah dan membantutkan perkembangan pokok renek disebabkan laluan kenderaan berat. Tumpahan minyak jentera di atas air seperti jet ski dan bot pula akan mengganggu kewujudan spesies pokok di kawasan berair serta mengakibatkan pencemaran sungai dan ekosistem hidupan air serta haiwan liar daratan yang menggunakan air di persekitaran berkenaan.

Tanpa kita sedar, kunjungan beramai-ramai ke hutan turut menyumbang penyebaran penyakit berjangkit daripada manusia kepada haiwan liar dan begitu juga sebaliknya.

Penyebaran penyakit berjangkit seperti selsema, batuk, COVID-19 dan tibi boleh berlaku melalui pembuangan sisa makanan secara tidak terurus. Juga ada yang turut berkongsi sisa makanan bersama haiwan atas dasar perasaan kasihan tetapi ia sebenarnya secara tidak langsung akan mengubah diet pemakanan haiwan diberikan manusia setiap kali aktiviti dijalankan.

Ini akan menyebabkan haiwan akan menjadi obes dan bersifat tidak semula jadi dalam mencari makanan sendiri. Tambahan pula, tindakan itu turut mengundang penyebaran penyakit kencing tikus atau leptospirosis yang sering dilaporkan membahayakan peserta dan pengunjung terbabit dalam aktiviti hutan.

Amat menyedihkan, aktiviti sukan lasak sering diadakan khususnya setiap hujung minggu atau cuti umum seolah-olah mengubah suasana ekosistem hutan tenang dan mendamaikan kepada kawasan sibuk serta bising. Permintaan rekreasi sukan lasak tinggi menyebabkan gangguan persekitaran kepada pengguna yang ingin menikmati keseronokan hidup dalam persekitaran damai dalam hutan semula jadi.

Permintaan tinggi terhadap aktiviti di dalam hutan dan sukan lasak semakin menjadi tumpuan ramai dan dianggap sebagai sukan komersial itu menyebabkan kita terlepas pandang terhadap impak kepada alam sekitar.

Kerakusan pengusaha perniagaan dan pengajur aktiviti dalam mengaut keuntungan juga menyebabkan pelbagai pencemaran berlaku dan banyak spesies hidupan liar berpindah ke kawasan baharu untuk kelangsungan hidup.

Sebenarnya, hutan dan biodiversiti di dalamnya adalah tempat untuk manusia meneruskan kehidupan. Khazanah alam hutan unik membekalkan sumber makanan, ubat-ubatan dan hasil industri kepada manusia.

Fungsi asal hutan tergugat

Hutan juga menjadi pusat rujukan ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang kepakaran saintifik dan tapak pembangunan manusia sejagat. Tanpa hutan dan biodiversiti, kehidupan alam tidak seimbang, fungsi asal hutan juga tergugat dalam memberikan pelbagai manfaat kepada manusia dan juga negara amnya.

Oleh itu, pelancongan rekreasi membabitkan aktiviti sukan lasak dan mencabar sewajarnya dilaksanakan secara terancang dan bijak agar tidak menjejaskan sumber biodiversiti hutan negara.

Banyak hidupan liar terancam dan menghampiri kepupusan turut berpunca daripada aktiviti sukan lasak tidak terkawal. Kekayaan khazanah alam kita miliki adalah pinjaman sementara untuk dijaga secara lestari dengan harapan generasi seterusnya juga dapat menikmati keindahan alam semula jadi ini daripada hasil peninggalan nenek moyang mereka.

Hilang sumber biodiversiti, maka hilanglah warisan asli dan maruah negara. Dengan sumber biodiversiti masih ada ini, pihak berwajib perlu memberikan perhatian dan perlindungan segera melalui ketegasan dalam menjalankan penguatkuasaan bagi mengurangkan impak negatif rekreasi kepada alam semula jadi.

Sebagai langkah konservasi melalui penguatkuasaan, kaedah limitasi daya tampung atau *carrying capacity* di setiap kawasan rekreasi berkepadatan tinggi pengunjung dalam mengurangkan impak negatif rekreasi kepada sumber alam sekitar.

Bagi menjaga kelestarian biodiversiti negara, 'Kempen Kurangkan Impak Rekreasi Alam Semula Jadi' perlu ditekankan dalam masyarakat agar kepentingan memulihara biodiversiti khazanah negara ini terus disanjung tinggi.

Selain itu, badan kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) juga perlu berganding bahu memantau dan mengawal setiap aktiviti lasak diwujudkan di seluruh pelusuk negara, agar hutan dan komunitinya terus kekal dalam bumi Malaysia tercinta ini.

